

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 JULAI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kejadian gempa di Sabah	Utusan Malaysia
2.	Tanaman cendawan hasil lumayan	Utusan Malaysia
3.	Persepsi standard perlu diubah	Utusan Malaysia
4.	SIRIM bangunkan 100 lagi standard	Utusan Malaysia
5.	Rangka ditemui di hutan Pos Pulat	Kosmo
6.	SMK Puteri juara Pertandingan Kuiz Sains	Harian Metro
7.	Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 11 JULAI 2016 (ISNIN)

Kejadian gempa di Sabah

SABAH terletak di pertembungan tiga plat bumi utama, iaitu Plat Pasifik yang bergerak sekitar 10sm setiap tahun ke arah barat; Plat Australia India yang bergerak sekitar 7sm setahun ke arah utara dan Plat Eurasia yang bergerak sekitar 5sm setiap tahun ke arah tenggara.

Ini menyebabkan Sabah mengalami daya mampatan sejak beberapa puluh juta tahun dahulu dan kini masih lagi mengalami pergerakan permukaan bumi seperti pengangkatan dan pergerakan sesar. Banjaran pergunungan terhasil akibat pengangkatan ini termasuk intrusi magma di kawasan Gunung Kinabalu dan letusan vulkano di kawasan Tawau-Kunak. Pergerakan sesar yang terdapat di seluruh Sabah bukan sahaja berpotensi menghasilkan gempa bumi tetapi juga merosakkan pelbagai infrastruktur seperti bangunan dan jalan raya akibat penyusutan tanah.

Hasil kajian terkini UMS bersama dengan universiti awam lain seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), UCSI dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan agensi kerajaan seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun lalu telah mengenal pasti beberapa sesar aktif di Sabah. Pada masa ini, pemantauan pergerakan sesar aktif di Sabah adalah sangat terhad.

Hanya satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) pada tahun 2010 untuk memantau pergerakan sesar aktif di Kundasang, Sabah.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pergerakan permukaan bumi bernilai beberapa sm setiap tahun di Kundasang. Pada masa yang sama, Jupem juga telah memantau pergerakan muka bumi di Sabah menerusi beberapa stesen *Global Navigation Satellite System* (GNSS) sejak beberapa tahun lalu. Mereka mendapati bahawa terdapat pergerakan menaik dan mendatar bernilai beberapa sm setiap tahun di Sabah.

Kekangan utama pemantauan menggunakan teknologi GPS adalah berkait dengan kekurangan titik pengukuran pergerakan permukaan bumi. Di Sabah hanya terdapat 13 stesen GNSS (titik pengukuran) yang memberi bacaan berterusan. Untuk mendapat gambaran pergerakan permukaan bumi yang menyeluruh, teknologi satelit radar InSAR disaran digunakan kerana teknologi ini mampu menghasilkan beribu-ribu titik pengukuran pada sesuatu kawasan kajian dengan harga yang berpatutan.

Selepas kejadian gempa bumi Ranau pada 5 Jun tahun lalu, UMS menyedari bahawa kajian yang lebih agresif perlu dijalankan untuk mengenal pasti taburan sesar aktif serta memahami tingkah laku sesar aktif ini kerana pergerakan sesar aktif berpotensi menghasilkan gempa bumi yang bermagnitud besar pada masa akan datang. Akibat gegaran susulan gempa bumi Ranau, kawasan pergunungan Kinabalu mengalami tanah runtuh yang sangat luas sehingga menghasilkan beberapa siri banjir lumpur.

Tanah runtuh ini juga perlu dipeta dan dipantau secara rapi. Malangnya, teknologi tradisional menggunakan fotograf udara dan pengukuran di lapangan memakan masa yang agak lama dan

tidak menyeluruh. Teknologi angkasa, khususnya satelit radar boleh memainkan peranan secara berkesan disini.

Pada awal tahun ini, UMS melalui Pusat Kajian Bencana Alam mula menjalin kerjasama secara tidak formal dengan *Airbus Defence and Space* (Airbus) untuk merancang dan membuat kajian membabitkan pergerakan permukaan bumi di Sabah, khususnya di kawasan yang dikenal pasti paling kerap berlaku gempa bumi, iaitu di Ranau dan Lahad Datu.

Airbus dari Jerman adalah pembekal teknologi angkasa yang terkenal di dunia. Mereka memiliki satelit radar TerraSAR-X dan bersedia berkongsi pengalaman mereka dalam teknologi angkasa dengan Malaysia.

Kajian percubaan yang dilakukan oleh Airbus di kawasan Gunung Kinabalu menggunakan teknologi satelit radar InSAR mendapati bahawa terdapat pergerakan permukaan bumi sehingga beberapa sm selepas gempa bumi Ranau berlaku. Hasil kajian awal ini memberi keyakinan UMS dan Airbus bahawa kajian lanjut bersifat jangka panjang boleh dilaksanakan di Sabah.

Antara objektif kajian yang dicadangkan adalah untuk mengenal pasti kedudukan sesar-sesar aktif di Sabah serta memantau pergerakan sesar-sesar ini, khususnya di kawasan Ranau dan Lahad Datu. Kajian juga diharap dapat mengenal pasti lokasi kawasan berbahaya yang lain yang belum dikenal pasti dari kajian terdahulu. Kajian ini juga akan menguji kebolehan teknologi satelit radar InSAR di kawasan yang sebahagian besar ditutupi tumbuhan.

Kajian ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya selama lima tahun untuk dapat melihat pergerakan permukaan bumi yang signifikan. Alat-alat pemantul radar (*reflector*) perlu dipasang pada lokasi yang strategik untuk mendapat bacaan pergerakan muka bumi yang tepat. Beberapa stesen GPS tambahan perlu juga dipasang pada lokasi strategik sebagai rujukan pergerakan muka bumi.

Maklumat tepat dan menyeluruh berkait kedudukan dan pergerakan sesar aktif selain berguna untuk meramal kawasan yang berkemungkinan menghasilkan gempa bumi, juga boleh digunakan untuk merancang pembangunan guna tanah di kawasan kurang stabil seperti pembinaan infrastruktur yang kritikal seperti hospital, sekolah, balai polis, bomba, empangan, jambatan, pencawang telekomunikasi dan sebagainya.

Pemahaman tingkah laku pergerakan sesuatu permukaan bumi boleh menyumbang kepada pengurangan kerosakan harta benda dan mengelak kemalangan berlaku.

Pada masa yang sama, keupayaan penyelidik tempatan berkaitan penggunaan teknologi angkasa, khususnya pemprosesan data satelit

kajian berasas teknologi angkasa ini, khusus menggunakan satelit radar, memerlukan sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak, sama ada pihak kerajaan atau swasta untuk berjaya. Antara sokongan yang diperlukan adalah sumber kewangan untuk memperoleh dan memproses data radar pada jangka masa tertentu, bantuan logistik dan kebenaran masuk kawasan untuk memasang alat pemantul radar dan stesen GPS di kawasan Ranau dan Lahad Datu.

Penulis ialah Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam UMS.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 11 JULAI 2016 (ISNIN)

mega sains dan teknologi



DARI kiri, Anizaton Nanyan, Muhamad Yuzaidi dan Embun Shafie bersama batas cendawan yang sedia untuk ditanai.

Tanam cendawan hasil lumayan

Inovasi bantu tingkat pendapatan pengusaha tanam cendawan Volvariella

Oleh NUR FATIEHAH ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com

PENURUNAN harga getah yang agak ketara dan juga penghasilan susu getah yang semakin berkurang telah memberi kesan begitu besar buat kebanyakan pekebun kecil.

Rata-rata daripada mereka bergantung kepada sumber pendapatan hasil menoreh. Justeru itu, pekebun getah terpaksa mencari alternatif lain bagi menambah sumber pendapatan.

Sebagai pihak yang peka dengan masalah petani, Pegawai Pertanian Daerah Padang Terap, Kedah, Muhamad Yuzaidi Azmi, 35, telah menghasilkan inovasi teknologi untuk membantu petani di daerah tersebut.

Cendawan Volvariella atau biasanya dipanggil cendawan jerami telah diperkenalkan kepada pekebun kecil sebagai tanaman alternatif bagi menambah pendapatan mereka.

Sebelum ini, ia ditanam menggunakan jerami padi sebagai media tanaman, namun kini lebih mudah apabila tandan sawit yang hanya perlu diperap digunakan sebelum disusun untuk dijadikan batas penanaman.

Menggunakan konsep ringkas 3T iaitu Tanam, Tunggu dan Tuai menjadikan



BATAS untuk menanam cendawan Volvariella yang dihasilkan daripada kompos sawit.

inovasi teknologi bagi tanaman ini lebih istimewa.

Menurut Muhamad Yuzaidi, inovasi yang dimulakan pada tahun 2014 dengan tiga kali percubaan yang kemudiannya diperkenalkan kepada orang ramai itu menggunakan adaptasi daripada teknologi yang digunakan di Thailand dan Indonesia.

"Melalui teknologi ini, petani tidak memerlukan kos yang tinggi selain proses pengurusan yang lebih mudah jika

hendak dibandingkan dengan jenis cendawan lain. Bukan itu sahaja, teknologi yang diamalkan ini juga dapat memaksimumkan penggunaan tanah di kebun getah.

"Inovasi yang telah diolah dan ditambah baik ini menggunakan semula bahan buangan dari ladang kelapa sawit iaitu tandan sawit yang dijadikan batas untuk menanam cendawan. Hasil tandan yang telah digunakan pula



MUHAMAD Yuzaidi menunjukkan beg benih cendawan Volvariella yang setiap satunya seberat 500 gram.

SAMBUNGAN... UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 9 TARIKH : 11 JULAI 2016 (ISNIN)

INFO

- Cendawan Volvariella sesuai ditanam di kawasan yang redup dan tidak terdedah secara langsung dengan cahaya matahari.
- Perlu ditanam di kawasan yang bebas dari banjir dan air bertakung.
- Sesuai ditanam di kawasan tanah rendah.
- Tidak terdedah dengan sebarang racun perosak serta bebas daripada gangguan haiwan atau ternakan lain.



KERJA- KERAJA menyiapkan media tanaman perlu dilakukan dengan berhati-hati.

boleh dijadikan baja kompos.

"Tandan sawit yang disusun menjadi batas di ruang antara pokok getah mulanya akan disiram dan ditutup dengan plastik hitam selama sembilan hari. Dalam tempoh itu, batas tersebut akan disiram setiap tiga hari," katanya ketika ditemui sempena lawatan Jabatan Pertanian dan Utusan Malaysia di tapak projek tanaman cendawan Volvariella di Padang Terap Kedah baru-baru ini.

Tambah Muhamad Yazid, selepas beberapa hari cendawan akan mula tumbuh dan hasilnya boleh bertahan hingga sebulan.

"Setiap batas mampu menghasilkan sehingga dua kilogram cendawan sehari. Anggaran sekiranya pekebun mempunyai 20 batas tandan sawit, ia mampu menjana pendapatan sehingga RM2,700 sebulan.

"Apa yang lebih istimewa, cendawan Volvariella ini 100 peratus organik kerana tidak menggunakan sebarang baja mahupun racun serangga.

"Inovasi teknologi ini juga telah berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori awam dan johan keseluruhan dalam Konvensyen Pertandingan Inovasi Inklusif 2015," katanya.

Menjelaskan dengan lebih lanjut, katanya, Jabatan Pertanian juga memperoleh bantuan dana daripada Agensi Nuklear Malaysia bagi membina makmal khas untuk cendawan Volvariella.



PROSES untuk menanam cendawan Volvariella cukup mudah dan ringkas serta tidak memerlukan alatan khas dengan harga yang tinggi.

Selain itu, Jabatan Pertanian turut menyediakan perkhidmatan membekalkan benih cendawan Volvariella kepada pekebun-pekebun yang berminat untuk terlibat dengan penanaman cendawan berkenaan.

"Kami berhasrat untuk membantu pekebun dengan membina bengkel pemrosesan khas untuk cendawan ini.

"Bukan itu sahaja, kami turut membantu pekebun dari segi pemasaran dengan menghasilkan produk hiliran menggunakan cendawan ini seperti rendang dan serunding cendawan Volvariella.

"Produk berasaskan cendawan ini akan dipelbagaikan serta dikomersialkan. Kami juga dalam perancangan untuk menubuhkan persatuan khas untuk petani yang mengusahakan projek tanaman ini" ujarnya.

Katanya lagi, sehingga kini jumlah petani yang mengusahakan cendawan jenis itu di negeri Kedah adalah seramai 30 orang.

Selain itu, negeri lain seperti Johor, Kuantan, Terengganu, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang juga telah mula menjalankan projek tanaman cendawan Volvariella.

Jelasnya juga, bagi mereka yang berminat untuk menanam cendawan Volvariella tetapi tidak mempunyai kawasan lapang atau tanah luas, boleh menggunakan sistem rak atau sistem bertingkat.

"Sistem tanaman tersebut juga boleh dilakukan bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar dan mempunyai ruang terhad untuk bertani," katanya.

Sementara itu, salah seorang pekebun cendawan Volvariella, Embun Shafie, 60, berkata, tanaman tersebut sangat senang untuk dijaga dan diuruskan selain tidak



Melalui teknologi ini, petani tidak memerlukan kos yang tinggi selain proses pengurusan yang lebih mudah jika hendak dibandingkan dengan jenis cendawan lain."

cendawannya sehingga musnah.

Walaupun bagaimanapun, apa yang terjadi tidak mematahkan semangatnya apabila kakitangan Jabatan Pertanian banyak membantu untuk memulihkan semula projek cendawan Volvariella yang diusahakannya.

Dalam pada itu, seorang lagi pekebun, Anizaton Nanyan, 49, berkata, cendawan Volvariella memiliki banyak khasiat berbanding cendawan jenis lain.

Menurutnya, cendawan istimewa ini kaya dengan protein dan merupakan sejenis cendawan yang paling tinggi kandungan vitamin serta mineral.

"Selain itu, ia juga bebas karbohidrat dan sangat sesuai bagi mereka yang sedang mengamalkan diet atau ingin menjaga bentuk badan.

"Bukan itu sahaja, kandungan antioksidan yang tinggi pada cendawan ini dapat melindungi kita daripada penyakit berkaitan radikal bebas," katanya.

Menurut Anizaton lagi, cendawan jenis ini hanya mampu bertahan selama dua hari sahaja dan bagi mengekalkan serta memastikan ia mampu bertahan selama beberapa bulan, cendawan ini perlu dicelur dan disimpan dalam bekas berair di dalam peti ais.

"Terdapat pelbagai jenis masakan yang boleh dihasilkan bagi menikmati keenakan cendawan ini. Rasanya yang seakan-akan bebola ikan tetapi mempunyai tekstur yang lebih pejal dan padat serta lebih manis sesuai untuk dimasak menjadi masakan barat mahupun tradisional," katanya.



CENDAWAN segar yang baru dipetik sedia untuk dijual kepada penduduk setempat.

Persepsi standard perlu diubah

LAPORAN
KHAS



■ KUALA LUMPUR 10 JULAI

PERSEPSI perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menganggap standard dikeluarkan badan organisasi berkaitan di Malaysia tidak diiktiraf di luar negara perlu diubah memandangkan ia mempunyai piala bertaraf global.

Dalam masa sama, pengguna juga tidak boleh memandang rendah terhadap produk atau perkhidmatan yang memiliki standard daripada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) berbanding standard antarabangsa.

Menepis tanggapan negatif itu, Ketua Pengarah Standards Malaysia, Datuk Fadilah Baharin berkata, semua standard dibangunkan pihaknya melalui infrastruktur pembangunan yang telah membangunkan pelbagai pihak berkepentingan.

Katanya, ia selaras dengan amalan baik antarabangsa iaitu Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa (ISO), Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) dan Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia ke atas Halangan Teknikal Perdagangan (WTO-TBT).

Ujar beliau, Standards Malaysia memiliki dua peranan penting sebagai Badan Standard Kebangsaan yang telah membangunkan dan mempromosi penggunaan Standard Malaysia (MS) serta Badan Akreditasi Kebangsaan.

"Di Malaysia, banyak syarikat telah mematuhi MS dan memiliki persijilan sistem kualiti dikeluarkan oleh badan persijilan yang telah mendapat akreditasi



MUKADIMAH Pemilihan standard dalam kalangan pemain industri sedia mengeksport sememangnya sudah tidak asing lagi. Sijil standard asas halal, Amalan Pengilangan Baik (GMP) juga Analisis Bahaya dan Titik Pengendalian Kritikal (HACCP) memainkan peranan penting untuk membolehkan sesebuah produk itu dieksport ke luar negara. Walau bagaimanapun, tahap kesedaran eksport oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutamanya masih rendah.

Majoriti usahawan masih menganggap standard hanya diperlukan untuk pasaran luar negara semata-mata. Hakikatnya, pemilihan sijil standard secara tidak langsung akan menjadi satu aspek tambah nilai.

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) sentiasa menggalakkan PKS tempatan mendapatkan sijil standard ke arah memperkasa aktiviti eksport.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **NUR HANANI AZMAN** mengkaji kepentingan memiliki sijil standard dan kredibiliti skim pensijilan yang serta taraf sijil dikeluarkan sama ada ia diiktiraf di peringkat antarabangsa atau tidak.

Halal, MS juga merupakan standard yang dirujuk dalam persijilan halal oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Standards Malaysia sehingga kini telah membangunkan lebih 6,000 dokumen standard yang memiliki kredibiliti dan setaraf dengan standard antarabangsa.

Dokumen standard dibangunkan itu merangkumi 25 sektor ekonomi termasuk pertanian, halal dan kenderaan.

Penggunaan standard adalah secara sukarela kecuali ia dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa. Sebanyak 439 standard telah dirujuk dan digunakan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPI) dan Suruhanjaya Tenaga.

Standards Malaysia telah mengakreditasi sebanyak 754 makmal bagi bidang pengujian, penentuan dan pengujian perubatan seperti Jabatan Kimia Malaysia, SIRIM

QAS International Sdn. Bhd., TPM Biotech Sdn. Bhd. dan Petronas Research Sdn. Bhd.

Jabatan itu juga mengakreditasi sebanyak 27 badan persijilan bagi program persijilan sistem pengurusan, individu dan produk serta 11 badan pemeriksaan seperti Puspakom.

Menurut Fadilah, bagi industri Standards Malaysia membangunkan Program Pematuhan Standard Kebangsaan di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik untuk Standard, Persaingan dan Liberalisasi (SRI-CSL), Program Transformasi Ekonomi pada tahun 2014.

Ujarnya, program itu bertujuan menyediakan akses mudah kepada pihak industri bagi mendapatkan maklumat yang boleh membantu mereka memahami dan membuat perancangan berkaitan pematuan standard.

"Bagi pengguna, kami lebih fokus kepada pendidikan mengenai standardisasi melalui aktiviti seperti Program Jelajah Standard untuk melahirkan generasi pelapis yang mempunyai pengetahuan mengenai kepentingan standard dan pematuhannya.

"Program ini akan mencekutkan permintaan untuk meningkatkan penggunaan standard yang berupaya meningkatkan taraf hidup dan keupayaan industri seterusnya memperkasa pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Di Malaysia, banyak syarikat telah mematuhi SM dan memiliki persijilan sistem kualiti dikeluarkan oleh badan persijilan yang telah mendapat akreditasi daripada Standards Malaysia

daripada Standards Malaysia terutamanya bagi Sistem Pengurusan Kualiti, MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar, MS ISO 14001:2015.

"Selain itu, standard halal kami seperti Pengeluaran Makanan Halal, MS 1500:2009 dan Farmaseu-



■ Lagi Laporan Khas di muka » 16

SIRIM bangunkan 100 lagi standard

LAPORAN
KHAS



Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 JULAI

SIRIM Bhd., organisasi kualiti dan teknologi perindustrian menjangka untuk menyiapkan 100 standard pada 2016 berbanding 62 Malaysian Standard dibangunkan tahun lalu.

Langkah itu bertujuan memastikan syarikat milik kerajaan itu mampan dan berdaya saing dengan menyediakan perkhidmatan yang diperlukan pasaran serta menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, perkhidmatan pensijilan, pemeriksaan dan pengujian disediakan oleh anak syarikat SIRIM, SIRIM QAS International Sdn. Bhd..

Katanya, kredibiliti skim pensijilan yang ditawarkan itu terjamin kerana ditauliahkan standard antarabangsa selama bertahun-tahun oleh badan akreditasi ternama seperti Jabatan Standard Malaysia dan United Kingdom Accreditation Service (UKAS).

Ujar beliau, akreditasi itu bermakna sijil dikeluarkan oleh SIRIM QAS International adalah setaraf atau lebih baik daripada sijil yang dikeluarkan oleh badan-badan pensijilan lain dari seluruh dunia.

Tambahnya, Standard ISO 9001 adalah standard yang diiktiraf secara meluas di peringkat antarabangsa yang merupakan satu keperluan untuk menjalankan perniagaan di dalam negara dan pasaran antarabangsa.

"Terdapat banyak badan-badan pensijilan di seluruh dunia menawarkan pensijilan kepada standard ISO 9001 tetapi nilai yang diambil oleh organisasi daripada pensijilan ISO 9001 tidak bergantung kepada dari mana



Terdapat banyak badan-badan pensijilan di seluruh dunia menawarkan pensijilan kepada standard ISO 9001 tetapi nilai yang diambil oleh organisasi daripada pensijilan ISO 9001 tidak bergantung kepada dari mana badan pensijilan itu datang."

ZAINAL ABIDIN MOHD. YUSOF
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sirim

badan pensijilan itu datang.

"Nilainya datang dari kredibiliti badan pensijilan yang mengeluarkan sijil, kredibiliti pensijilan terjamin apabila badan-badan pensijilan beroperasi secara cekap, adil dan konsisten mengikut kehendak yang dinyatakan dalam standard antarabangsa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Skim pensijilan yang ditawarkan SIRIM QAS International juga diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan adanya rakan antara-

bangsa seperti International Certification Network (IQNET).

Menurut Zainal Abidin, sijil dikeluarkan SIRIM yang diiktiraf secara meluas, diterima di seluruh dunia seperti yang dibuktikan oleh beribu-ribu organisasi telah menggunakan perkhidmatan SIRIM pensijilan selama ini.

"Ini kerana, SIRIM mempunyai ramai juruaudit yang sangat berpengalaman, profesional dan kompeten dalam pelbagai sektor justeru dapat memberikan perkhidmatan audit dan pensijilan mempunyai nilai tambah," katanya.

SIRIM QAS International menawarkan pensijilan sistem pengurusan kualiti bagi sektor-sektor tertentu seperti ISO / TS 16949 - Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti untuk Sektor Automotif dan MS 1900 - Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan syariah.

Setakat ini, SIRIM QAS International telah mengeluarkan lebih daripada 6,000 sijil ISO 9001.

Pensijilan ISO 9001 bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan dalam menghasilkan produk atau memberikan perkhidmatan yang konsisten mengikut kehendak pelanggan dan keperluan undang-undang yang diguna pakai.

Standard ISO 9001 boleh digunakan oleh organisasi yang beroperasi dari pelbagai saiz dan sektor.

Misteri kehilangan dua pencari kayu kemuning sebulan lalu mungkin terungkai Rangka ditemui di hutan Pos Pulat

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG - Misteri kehilangan dua lelaki yang hilang ketika mencari kayu kemuning sejak hampir sebulan lalu mungkin terungkai dengan penemuan rangka yang telah mereput kira-kira 800 meter dari bangsal tempat perlindungan mereka di hutan Pos Pulat di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1.45 petang itu, serpihan rangka yang masih tidak dapat dipastikan sama ada milik manusia atau haiwan itu ditemui di dalam celah-celah lubang batu di bawah akar pokok kemuning hitam di kawasan berkenaan oleh penduduk kampung.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Rajab Ahad Ismail berkata, penduduk kampung kemudian melaporkan kepada anggota penyelamat selepas menjumpai tulang rangka, baju, kasut serta sarung parang di kawasan berhampiran.

"Pasukan forensik dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri segera ke lokasi kejadian untuk mengumpul cebisan rangka tersebut. Setakat ini, polis

masih belum dapat mengesahkan sama ada rangka itu milik dua pencari kayu kemuning yang hilang sejak 13 Jun lalu.

"Kita kena tunggu dulu kerana rangka tersebut akan dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis bagi mengetahui milik siapa," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dalam kejadian pada 13 Jun lalu, dua pencari kayu kemuning, Zarani Abdullah Zawawi, 37, bersama seorang rakannya penduduk Orang Asli, Sudin Salleh, 30-an, dilaporkan hilang setelah memasuki hutan Pos Pulat.

Mereka telah memasuki hutan berkenaan dengan menaiki sebuah kereta Proton Iswara, tetapi sehingga kini keduanya masih belum pulang ke rumah di Kampung Kuala Lah di sini.

Sementara itu, isteri Zarani, Maskah Ab. Kadir, 37, yang dihubungi berharap penemuan rangka berkenaan dapat mengakhiri penantian mereka sekeluarga tentang nasib yang menimpa suaminya.

"Kami reda dengan ketentuan takdir jika rangka tersebut adalah milik suami saya," ujarnya.



LOKASI penemuan rangka di kawasan hutan Pos Pulat, Gua Musang kelmarin. Gambar kecil Zarani.

Dua pemuda gagal dihubungi selepas masuk ke hutan Pos Pulat

Pencari kayu kemuning hilang

GUA MUSANG - Dua lelaki yang hilang sejak hampir sebulan lalu mungkin terungkai dengan penemuan rangka yang telah mereput kira-kira 800 meter dari bangsal tempat perlindungan mereka di hutan Pos Pulat di sini kelmarin.

KERATAN Kosmo! 2 Julai 2016.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BESTARI) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 11 JULAI 2016 (ISNIN)

SMK PUTERI JUARA PERTANDINGAN KUIZ SAINS



PASUKAN MRSM Gemencheh muncul naib johan.

SMK Puteri (SMKP) Seremban muncul juara Pertandingan Kuiz Sains Kebangsaan (NSC) peringkat Negeri Sembilan 2016 selepas menewaskan empat sekolah lain, baru-baru ini.

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencheh pula muncul naib juara pada pertandingan itu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai.

Pertandingan membolehkan pelajar tingkatan empat aliran sains itu anjuran bersama **Akademi Sains Malaysia (ASM)** dan ExxonMobil.

Pada peringkat awal 30 sekolah dari negeri ini mengambil bahagian, sebelum empat mara ke peringkat akhir iaitu MRSM Gemencheh, SM Sains Tuanku Munawir, SMK King George V dan SMK St Paul.

Penyertaan secara berkumpulan iaitu tiga peserta dan seorang guru mentor, serta setiap kumpulan akan bermula dengan kuiz dalam talian

pada peringkat saringan sebelum ke peringkat separuh akhir.

Wakil SMKP Siti Hajar Muhammad Najib, 16, tidak menyangka pasukannya mampu menjuarai pertandingan itu kerana saingan daripada finalis lain begitu hebat.

dia mengakui pertandingan itu menguji



PESERTA bersama mentor masing-masing.

minda dan kreativiti kerana membolehkan soalan Sains dan Matematik tingkatan empat dan lima.

"Setiap kumpulan perlu menjawab soalan tanpa menggunakan bahan bantuan seperti kalkulator.

"Kami tidak sangka dapat memenangi pertandingan ini. Saya mewakili rakan lain gembira dengan

kejayaan ini kerana dapat mengharumkan nama sekolah.

"Kejayaan ini sudah tentu hasil kesungguhan dan komitmen tinggi semua yang terbabit," katanya.

Muhammad Safwan Mohd Saparina, 16, dari MRSM Gemencheh menyifatkan pertandingan itu begitu mencabar kerana

soalannya menguji minda termasuk subjek tingkatan lima.

"Bagaimanapun, pengalaman bertanding sejak dari tingkatan dua memberi inspirasi dan semangat kepada kami untuk memberi cabaran," katanya.

Ketua juri yang juga Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi USIM Prof Madya Dr Che Wan Zanariah Che Wan Ngah berkata, semua peserta menunjukkan kemahiran membanggakan.

Katanya, SMKP akan mewakili Negeri Sembilan ke peringkat kebangsaan yang dijadualkan berlangsung pada Ogos depan.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 11 JULAI 2016 (ISNIN)



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016



**PENVERTAAN
SEGERA**

**ANUGERAH
INOVASI
NEGARA**

Hadiah wang tunai menanti anda!

KATEGORI	HADIAH (Tunai)	TARIKH TUTUP	CARA MEMOHON
PRODUK	RM50,000	15 Ogos 2016 (Isnin)	Setiap permohonan perlu dibuat secara atas talian di laman portal AIN http://ain.mosti.gov.my Telefon: 03-5544 5023 E-mel: ain2016@mosti.gov.my
PERKHIDMATAN	RM50,000		
AKAR UMBI	RM20,000		
SEKOLAH	RM10,000		
MEDIA CETAK*	RM10,000	1 September 2016 (Khamis)	Setiap permohonan perlu dibuat secara atas talian di laman portal AIN http://ain.mosti.gov.my Telefon: 03-8885 8299 / 03-83182211 E-mel: ain2016-media@mosti.gov.my
MEDIA ELEKTRONIK*	RM10,000		

* Penyertaan bagi Kategori Media Cetak dan Elektronik adalah berdasarkan kepada artikel rakaman video/gambar yang telah di uploadkan mulai
1 Disember 2015 hingga 1 Ogos 2016.



<http://ain.mosti.gov.my>



Facebook
myMOSTI



Instagram
myMOSTI



Twitter
myMOSTI



YouTube
oneMOSTI

Sains & Inovasi
Pemacu Transformasi
DEKAD INOVASI 2010 - 2020